

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah polisi, strategi dan langkah-langkah Kementerian untuk menangani masalah buli siber yang semakin berleluasa yang boleh memberikan kesan yang tragis ke atas mangsa, seperti kes seorang remaja wanita di Pulau Pinang pada bulan Mei 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buli siber merupakan satu ancaman siber yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak, terutamanya di kalangan pengguna media sosial. Kawalan kendiri atau *self-regulation* dengan membudayakan penggunaan internet secara positif berteraskan 3 aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab oleh pengguna media sosial adalah penting penting bagi melindungi diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling daripada paparan kandungan-kandungan berbentuk negatif.

2. Bagi menangani isu ini, Kementerian berkolaborasi dengan Universiti Multimedia (MMU) untuk menjalankan penyelidikan berkaitan undang-undang antibuli siber. Kementerian juga bersetuju untuk

bekerjasama dengan MMU untuk melaksanakan kempen literasi tentang kesedaran mengenai hak pengguna media digital di Malaysia.

3. Selain itu, Kerajaan turut menggerakkan program kesedaran dan pendidikan bagi memupuk budaya penggunaan secara bijaksana dan berhemah dalam kalangan pengguna media sosial. Program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness For Everyone*), Modul Kesedaran Keselamatan Siber Nasional (MKKSN) dan program advokasi seperti Klik dengan Bijak (KDB), Hentikan Buli Siber dan Berita Palsu giat dilaksanakan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bertanggungjawab.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak mempunyai keupayaan untuk menyekat mana-mana akaun media sosial kerana mempunyai limitasi sertakekangan dari sudut teknikal. Ini adalah kerana sekatan ke atas mana-mana akaun media sosial (contohnya Facebook) secara teknikal akan menyebabkan sekatan terhadap keseluruhan laman sosial yang berkenaan (Facebook).
5. Tindakan yang dijalankan adalah lebih berupa rundingan melalui saluran *Law Enforcement Request* (LE request) dengan izin, bagi setiap satu kandungan yang dipohon sekatan akses tempatan, atau pemadaman atau penyingkiran kandungan atau akaun secara kekal. Walau bagaimanapun, tindakan dan kerjasama yang diberi adalah tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan serta piawaian komuniti penyedia platform.
6. Selain maklumat daripada pengguna media sosial, pihak penyedia platform media sosial seperti Facebook juga turut memantau kandungan serta akaun yang terdapat di platform mereka, dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya kandungan atau akaun yang dimuatnaik bertentangan dengan terma dan syarat serta piawaian komuniti. **Walau bagaimanapun, terma dan syarat piawaian komuniti tersebut adalah ditetapkan oleh pihak penyedia platform media sosial tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan butiran berkenaan Geran Automasi Pintar sejumlah RM100 juta di bawah PENJANA seperti berikut :

- a. sama ada geran ini sama dengan geran automasi pintar yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020; dan
- b. sekiranya dua geran adalah projek yang sama, jelaskan kenapa peruntukan dikurangkan untuk projek tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) iaitu agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah diberi peruntukan sebanyak RM10 juta daripada jumlah RM100 juta bagi tahun 2020 untuk mengurus Geran Automasi Pintar atau *Smart Automation Grant* (SAG) di bawah PENJANA.
2. Geran Automasi Pintar yang diuruskan oleh MDEC ini merupakan bantuan kewangan dan bentuk geran padanan untuk syarikat-syarikat perkhidmatan mengautomasikan proses dan operasi perniagaan mereka

dengan penggunaan teknologi digital. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat tempatan untuk memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada proses manual. Mekanisme pelaksanaan Geran ini melibatkan kerjasama institusi kewangan dan rakan industri seperti syarikat telekomunikasi dan pakar industri.

3. Geran Automasi Pintar yang diperuntukkan kepada MDEC ini adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM550 juta untuk tempoh lima tahun yang diumumkan semasa Bajet 2020.
4. Namun begitu, maklumat lebih lengkap mengenai butiran dan peruntukan keseluruhan Geran Automasi Pintar yang berjumlah RM550 juta yang diumum semasa Bajet 2020 adalah dikawal selia oleh Kementerian Kewangan.